



جباتن كحاكين شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : mukhyuddin@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 3 (25)
Takwim : 26 Rabi'ulawwal 1439H
Tarikh : 15 Disember 2017

**YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-Negeri.**

ARAHAN AMALAN NO. 2 TAHUN 2017

Tatacara Pertukaran Jenis Kes Di Pertengahan Perbicaraan

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2017 pada 4 hingga 6 Muharam 1438H bersamaan 25 hingga 27 September 2017 di Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT), Bukit Tinggi, Pahang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung tatacara pertukaran jenis kes di pertengahan perbicaraan kepada kandungan seperti yang berikut :

- (i) Mahkamah atas budibicara atau pemohon atau wakil bolehlah membuat pertukaran jenis kes di pertengahan perbicaraan mengikut prosiding yang sedang berkuatkuasa di Mahkamah Syariah.
- (ii) Mahkamah hendaklah mengekalkan fail asal kes dan nombor kes baharu dicatat pada fail tersebut. Rujukan bolehlah dibuat kepada BAHAGIAN X – PINDAAN, Akta/Enakmen/Ordinan Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri-Negeri.

SYARIAH ASAS KEADILAN




CERTIFIED TO ISO 9001:2008

PERBICARAAN

- (iii) Pendaftaran kes dikecualikan daripada fi. Rujukan bolehlah dibuat kepada BAHAGIAN XXIII – KOS, ELAUN DAN FI MAHKAMAH, Akta/Enakmen/Ordinan Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri-Negeri.
- (iv) Mahkamah mengeluarkan perintah mengikut kes yang didaftarkan.

Arahan Amalan No. 13 Tahun 2005 adalah dibatalkan.

Arahan Amalan ini berkuatkuasa serta merta.



(DATO' HJ. MUKHYUDDIN BIN IBRAHIM)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
PUTRAJAYA

PERBICARAAN

CARA 1 : Pelaksanaan Prosedur Secara Fail Dan No. Kes Asal Dikekalkan

Bil	Mahkamah	Tatacara	Dokumen	Perintah	Bayaran
1.	Kuala Lumpur	Lulus pinda seksyen.	Fail kekal. No. Kes kekal.	Satu (1) Perintah sahaja dengan dua (2) isu direkodkan iaitu Kelulusan Pindaan Seksyen xx, dan Persetujuan Bersama-kebenaran melafazkan cerai.	Tiada
2.	Kedah	Lulus pinda seksyen.	Fail kekal. No. Kes kekal.	Satu (1) Perintah dengan satu (1) isu dimasukkan iaitu Persetujuan Bersama-kebenaran melafazkan cerai.	Tiada
3.	Perak	Lulus pinda seksyen.	Fail kekal. No. Kes kekal.	Satu (1) Perintah dengan satu (1) isu dimasukkan iaitu Persetujuan Bersama-kebenaran melafazkan cerai.	Tiada
4.	Pahang	Lulus pinda seksyen.	Fail kekal. No. Kes kekal.	Satu (1) Perintah sahaja dengan dua (2) isu direkodkan iaitu Kelulusan Pindaan Seksyen xx, dan Persetujuan Bersama-kebenaran melafazkan cerai.	Tiada
5.	Johor	Lulus pinda seksyen.	Fail kekal. No. Kes kekal.	Satu (1) Perintah sahaja dengan dua (2) isu direkodkan iaitu Kelulusan Pindaan Seksyen xx, dan Persetujuan Bersama-kebenaran melafazkan cerai.	Tiada

PERBICARAAN

CARA 2 :

Pelaksanaan Prosedur Secara Fail Asal Dikekalkan Dan Hanya No. Kod Sahaja Dipinda

Bil	Mahkamah	Tatacara	Dokumen	Perintah	Bayaran
1.	Labuan	Lulus pinda seksyen.	Fail kekal. No. Kes kekal hanya No. Kod sahaja ditukar.	Satu (1) Perintah sahaja dengan dua (2) isu direkodkan iaitu Kelulusan Pindaan Seksyen xx, dan Persetujuan Bersama–kebenaran melafazkan cerai.	Tiada
2.	Negeri Sembilan	Lulus pinda seksyen.	Fail kekal. No. Kes kekal hanya No. Kod sahaja ditukar.	Satu (1) Perintah dengan satu (1) isu dimasukkan iaitu Persetujuan Bersama–kebenaran melafazkan cerai.	Ada (pindaan)
3.	Perlis	Lulus pinda seksyen. Hasil Dari Teguran Audit Arahan Amalan.	Fail kekal. No. Kes kekal hanya No. Kod sahaja ditukar.	Satu (1) Perintah dengan satu (1) isu dimasukkan iaitu Persetujuan Bersama–kebenaran melafazkan cerai.	Tiada
4.	Kelantan	Lulus pinda seksyen.	Fail kekal. No. Kes kekal hanya No. Kod sahaja ditukar.	Satu (1) Perintah dengan satu (1) isu dimasukkan iaitu Persetujuan Bersama–kebenaran melafazkan cerai.	Tiada
5.	Pulau Pinang	Lulus pinda seksyen.	Fail kekal. No. Kes kekal hanya No. Kod sahaja ditukar.	Satu (1) Perintah sahaja dengan dua (2) isu direkodkan iaitu Kelulusan Pindaan Seksyen xx, dan Persetujuan Bersama–kebenaran melafazkan cerai.	Tiada
6.	Melaka	Lulus pinda seksyen. Ketetapan Muzakarah Hakim Syarie.	Fail kekal. No. Kes kekal hanya No. Kod sahaja ditukar.	Satu (1) Perintah dengan satu (1) isu dimasukkan iaitu Persetujuan Bersama–kebenaran melafazkan cerai.	Ada (pindaan)
7.	Sarawak	Lulus pinda seksyen.	Fail kekal. No. Kes kekal hanya No. Kod sahaja ditukar.	Satu (1) Perintah dengan satu (1) isu dimasukkan iaitu Persetujuan Bersama–kebenaran melafazkan cerai.	Tiada

PERBICARAAN

CARA 3 :

Pelaksanaan Prosedur Secara Kes Asal Status Selesai–Tarik Balik/Buang Kes Dan Failkan Kes Baharu

Bil	Mahkamah	Tatacara	Dokumen	Perintah	Bayaran
1.	Putrajaya	Kes asal/lama. Tarik Balik dan daftar kes baharu. Pekeliling Pendaftar No. 1(20) Tahun 2008 – Kes Pindaan (Persetujuan)	Fail kekal. No. Kes baharu dan dokumen baharu difailkan.	Dua (2) Perintah.	Tiada
2.	Selangor	Kes asal/lama selesai (Tarik Balik/ Buang Kes) Arahkan daftar kes baharu (055). Keputusan Mesyuarat Hakim.	Fail baharu. No. Kes baharu.	Dua (2) Perintah.	Ada
3.	Terengganu	Fail asal/lama selesai (Tarik Balik) Arahkan daftar kes baharu (055).	Fail baharu. No. Kes baharu.	Dua (2) Perintah.	Ada
4.	Sabah	Fail asal/lama selesai (Tarik Balik/ Buang Kes) Arahkan daftar kes baharu (055).	Fail baharu. No. Kes baharu	Dua (2) Perintah.	Tiada (Tiada Fee & Kos)